

# PERKEMASKAN PELAKSANAAN PERATURAN & PROSEDUR TATATERTIB PELAJAR

## - BENGKEL PEMANTAPAN PERATURAN DAN PROSEDUR TATATERTIB PELAJAR UniMAP

2011

Oleh : En. Mohd Hakam bin Hassan



**Bandar Darulaman, Jitra, Kedah** – Atas kesedaran pihak pengurusan universiti untuk memperkemaskan dan memantapkan lagi prosedur-proseduryang berkait dengan peraturan-peraturan dan undang-undang yang melibatkan pelajar di UniMAP, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dengan kerjasama Unit Perundangan, Jabatan Canselor, UniMAP telah mengorak langkah untuk mengadakan Bengkel Pemantapan Peraturan dan Prosedur Pelajar UniMAP 2011. Bengkel selama 3 hari ini telah berlangsung pada 7 hingga 9 Julai 2011 bertempat di Darulaman Suites, Bandar Darulaman, Jitra, Kedah.

Bengkel ini telah dihadiri oleh seramai 47 orang pegawai dan kakitangan yang meliputi Dekan, Timbalan Dekan (Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar), Pensyarah, Penolong Pendaftar, Pegawai Keselamatan, Pembantu Tadbir (P/O), Pengawal Keselamatan dan lain-lain jawatan lagi. Turut hadir bersama dalam bengkel ini adalah Encik

Razli Ahmad, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UniMAP. Beliau juga turut memainkan peranan yang aktif dalam bengkel ini apabila turut menjadi fasilitator dalam bengkel tersebut. Selain daripada Encik Razli Ahmad, fasilitator lain bagi bengkel ini adalah Puan Norain Rusylawati Aziz, Pegawai dari Unit Perundangan, Jabatan Canselor UniMAP dan Encik Hirwan Jasbir Jaafar, Pengarah Unit Kajian Strategik, UniMAP.

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan mengenai peruntukan undang-undang berkaitan dengan pelajar-pelajar kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan universiti yang terbabit secara langsung dan tidak langsung dalam ruang litup hal ehwal dan pengurusan pembangunan pelajar. Dengan meningkatnya pengetahuan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan universiti berkenaan undang-undang dan peraturan ini akan membantu

dalam memantapkan lagi penguatkuasaan dan perlaksanaan undang-undang dan peraturan-peraturan ke atas pelajar-pelajar di UniMAP. Selain itu juga, bengkel ini juga bakal meningkatkan kecekapan dan integriti pegawai-pegawai yang melaksanakan serta menjaga disiplin pelajar-pelajar.

